

4.6 JUSTIFIKASI KEDUDUKAN KEWANGAN

1. Situasi di bawah menunjukkan seorang pelabur yang ingin membuat pelaburan modal dalam sesebuah perniagaan.

Puan Suzy sedang mempertimbangkan sama ada hendak melabur dalam Perniagaan Cerana atau dalam Perniagaan Hikmah.

Antara analisis nisbah yang berikut, yang manakah dapat membantu beliau membuat keputusan untuk melabur?

- A Untung tokokan
 - B Margin untung kasar
 - C Pulangan atas modal
 - D Kadar pusing ganti stok
2. Berikut merupakan maklumat nisbah semasa bagi sesebuah perniagaan untuk tahun 2015 dan 2016.

Tahun	Nisbah semasa
2015	1.5:1
2016	2.1:1

Tafsirkan prestasi perniagaan bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015.

- A. Prestasi perniagaan merosot dan tidak mampu membayar hutang.
 - B. kemampuan perniagaan membayar hutang dalam tempoh singkat telah meningkat.
 - C. Prestasi perniagaan telah merosot dan hanya mampu membayar hutang untuk tempoh masa panjang.
 - D. Risiko perniagaan telah meningkat dan pelaburan kurang memberi pulangan.
3. Apakah maksud stok bergerak perlahan?
- A Barang-barang yang dijual secara hutang dan lambat menerima bayaran
 - B Barang-barang yang mengambil masa yang lama untuk dijual
 - C Barang-barang yang lambat diterima daripada pembekal
 - D Barang-barang yang pantas untuk dijual

4. Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan yang mengusahakan industri menjahit baju batik.

	Syarikat Amirah	Syarikat Nasir
Kadar pusing ganti stok	5 kali	8 kali

Antara berikut, manakah benar tentang pengurusan stok kedua-dua syarikat?

- A Jualan stok Syarikat Amirah lebih laris daripada Syarikat Nasir
- B Pengurusan stok Syarikat Nasir lebih efisien daripada Syarikat Amirah
- C Syarikat Nasir menanggung kos penyimpanan stok yang lebih tinggi daripada Syarikat Amirah
- D Syarikat Amirah menukar stok setiap lima bulan sekali manakala Syarikat Nasir menukar stok setiap lapan bulan sekali.